

## **BERCERITA TENTANG RAJA BUAH**

Oleh: Najiha Razali, 1171061,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 11 Ogos 2020*



*Durian Musang King*

Sebut sahaja tentang raja buah iaitu durian, sudah terbayang buah yang penuh dengan duri, mempunyai isi kuning keemasan di dalamnya yang mampu memikat selera sesiapa sahaja yang terbau aromanya yang unik.

Buah ini bukan sahaja popular di Malaysia, malah terkenal di seluruh dunia terutamanya di rantau Asia Tenggara.

Penggemar durian pasti tidak melepaskan peluang untuk menikmati buah ini lebih-lebih lagi apabila musimnya tiba. Sesiapa yang tidak pernah mencuba rasa buah ini sangatlah rugi.

Durian yang juga dikenali dengan nama saintifiknya *durio* boleh didapati dalam pelbagai jenis. Malaysia terkenal dengan durian baka raja kunyit atau dikenali musang king antara spesies buah yang mendapat tempat hati penggemar durian dan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran global.

Seorang pakar durian, Lim Chin Khee berkata, penanaman durian raja kunyit ini memerlukan perhatian yang sangat teliti.

Namun, hasilnya memang sangat berbaloi di mana harga durian musang king boleh mencecah sehingga RM800 sekilogram dan sangat digemari di China.

Peminat durian musang king menggemari rasanya yang sangat manis serta mempunyai biji yang kecil dan isi yang sangat padat.

Selain musang king, terdapat banyak lagi jenis durian seperti durian kampung, sultan, udang merah dan *black thorn*. Kira-kira 200 jenis durian direkodkan oleh Jabatan Pertanian.

Setakat ini, durian paling mahal pernah dijual di Thailand. Sebiji durian Kanyao yang mempunyai saiz, bentuk dan kematangan yang sempurna berjaya dilelong pada harga 1.5 juta baht (RM199,000).



*Bubur serawa durian*

Selain dimakan begitu sahaja, durian boleh dijadikan bahan utama dalam masakan seperti tempoyak, bubur, kek dan ais krim.

Namun, bukan semua orang tahan menghidu bau durian yang sangat kuat menusuk rongga hidung. Ada juga yang termuntah dibuatnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan, memakan durian dalam kuantiti yang banyak boleh meningkatkan berat badan.

Kandungan kalori durian agak tinggi di mana sebiji buah durian yang seberat 1 kilogram mempunyai 1,400 kalori dan seulas durian seberat kira-kira 40 gram mengandungi 59 kalori.

Individu yang menghidap diabetes pula dinasihatkan supaya tidak memakan durian kerana buah ini mempunyai kandungan gula yang tinggi.